



NO.RUJ: KPKT/BPK/19/7/4KLT.31(21)

TARIKH: 3 OGOS 2010

KOMITMEN KERAJAAN PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) LADANG SILIAU PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN UNTUK DIJUAL

Kementerian Perumahan Dan kerajaan Tempatan (KPKT) sedang melaksanakan Program Perumahan Rakyat (PPR) di Ladang Siliau, Port Dickson, Negeri Sembilan. Kontraktor telah dilantik dan kerja-kerja kini sedang dilaksanakan. Projek ini dijangka siap pada 26 Disember 2011

Komponen pembangunan bagi projek ini mengandungi 150 unit rumah teres satu tingkat yang dilengkapi dengan kemudahanseperti surau, *food court*, Dewan Komuniti dan kawasan lapang.

KPKT telah memutuskan projek ini dibina bagi tujuan untuk dijual dan bukan untuk disewa. Kerajaan Negeri Sembilan dengan Kerjasama Kementerian akan menjual unit-unit rumah berkenaan apabila siap kelak kepada golongan berpendapatan rendah yang memenuhi syarat-syarat kelayakan dan belum memiliki rumah sendiri. Pelaksanaan projek ini merupakan janji dan komitmen kerajaan kepada rakyat semasa Pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Bagan Pinang pada 11 Oktober 2009 yang lalu.

Dikeluarkan oleh
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

-***-

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Wira Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Di keluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, Peti Surat 12579, 50782 Kuala Lumpur. Tel: +60320992321, Faks: +60320956523; Email: pro@kpkt.gov.my; Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim, Ketua Komunikasi Korporat jessy@kpkt.gov.my.